

MENENGAH 3 EXP/NA

LATIHAN TOPIKAL 7

KEFAHAMAN SUBJEKTIF

PERHATIAN: Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' atau 'O', ada perbezaan dalam komponen ini.

Peringkat 'N': Markah bagi soalan 3 dan 4 adalah **5 markah** setiap soalan. Soalan 9 dan 10 **tidak** perlu dijawab dan markahnya tidak akan digunakan dalam penilaian bahagian ini.

Peringkat 'O': Markah bagi soalan 3 dan 4 adalah hanya **3 markah** setiap soalan. Soalan 9 dan 10 **perlu** dijawab untuk mendapatkan markah yang penuh dalam bahagian ini.

Kefahaman Subjektif	Markah Penuh	Markah Yang diperolehi	Tarikh
Latihan 1	30		
Latihan 2	30		
Latihan 3	30		
Latihan 4	30		
Latihan 5	30		

LATIHAN 1

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Ujian memandu di Singapura adalah antara yang paling susah di dunia. Semua orang termasuk diriku **akur** akan perkara itu. Sungguhpun demikian, aku hanya menyedari tahap kesukarannya selepas aku sendiri menduduki ujian memandu.

Sebelum keluar rumah, ayah sempat melafazkan doa buatku sambil berkongsi sedikit panduan. Aku bagaimanapun tidak menghiraukan kata-kata ayah sebab beliau sendiri telah gagal sebanyak enam kali dalam ujian tersebut dan hanya lulus pada percubaan ketujuh. Aku lebih berminat mendengar nasihat daripada guru memanduku sebelum aku menduduki ujian memandu itu.

Sejurus tiba di pusat memandu, aku gementar sekali semasa menunggu giliran untuk dipanggil oleh polis trafik yang akan **menilai** aku memandu. Akhirnya, beliau tiba dengan raut wajah yang agak suram ketika berjalan ke arah kereta. Beliau kelihatan seperti mana-mana pegawai perkhidmatan awam - berseragam putih, berkaca mata, namun sedikit pun tidak mengukirkan senyuman.

"Encik Hasbullah?" tanya pemeriksa tersebut dengan suara yang garau.

"Ya saya," aku menjawab.

"Sila masuk dalam kereta," dia mengarahku dengan nada yang tidak bernyawa.

Ketika berada di dalam kereta, pemeriksa berkenaan memberikan bermacam-macam arahan - sedikit perasaan pun tidak dapatku rasai daripadanya. Aku menjadi gelisah dan **terkial-kial** untuk mencari butang menghidupkan kereta. Selepas mencari-cari, akhirnya aku dapat mengawal perasaanku yang ghairah lalu memandu kereta itu keluar dari pusat memandu tersebut. Semasa berada di jalan raya, aku cuba mengimbas kembali segala panduan yang dikongsi oleh guru memandu aku.

Dia pernah memberitahu aku; "Kau bayangkan sahaja seperti pemeriksa itu tidak wujud. Kau pandu sahaja seperti biasa kau buat apabila belajar denganku." Maka itulah yang aku lakukan sama sekali. Aku 'bayangkan' dia tidak berada di sebelahku.

Aku percaya aku memandu seperti seseorang yang profesional. Aku mematuhi segala arahan pemeriksa tersebut dan bertindak kepadanya dengan serta merta. Aku yakin sekali, dia pasti kagum akan kebolehanku. Dalam hatiku bagaikan ada sebuah taman yang sedang berbunga mekar. Apabila kami tiba di penjuru Kaki Bukit, pemeriksa tersebut mengarahkan aku supaya kembali ke pusat memandu. Aku pun membuat pusingan-U dan menuju kembali ke pusat berkenaan dengan perasaan berkobar-kobar dan tidak sabar untuk menyambut kemenangan. Aku meletakkan kereta di tempat yang diperuntukkan, melambai kepada guru memanduku yang menungguku selama beberapa jam untuk mengetahui keputusanku, lalu mengikut pemeriksa tersebut ke pejabatnya.

"Kamu memandu dengan begitu baik sekali..." katanya. Aku dapat rasakan **debaran** dalam hatiku, "Inilah masanya," fikirku.

"... tapi kamu kelihatan begitu gementar. Mungkin disebabkan itu, kamu tidak menyedari

bahawa kamu telah melanggar lampu merah tadi. Itu kesalahan yang paling besar yang tidak dapat dimaafkan. Maaf, saya tidak dapat luluskan kamu kali ini. Cuba lagi dalam masa enam bulan. Semoga berjaya." kata pegawai pemerintah tersebut. Dia berjabat tangan denganku lalu pergi. Walaupun raut wajahku tidak menunjukkan sebarang ekspresi, jauh di lubuk hatiku retak seribu. 40 Hatiku remuk kerana aku telah mengecewakan guru memanduku. Apabila aku pulang nanti, habislah, pasti ayah akan mentertawakanku.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Bilakah penulis menyedari bahawa ujian memandu di Singapura adalah sangat sukar?

(3 markah)

2. Apakah bukti bahawa ayah penulis prihatin terhadap dirinya?

(3 markah)

3. Apakah bukti bahawa guru memandu penulis telah memberi khidmat nilai tambah?

(3 atau 5 markah*)

4. Apakah penyebab utama penulis tidak lulus ujian memandunya?

(3 atau 5 markah*)

5. Jelaskan dua tindakan penulis yang membuat dia yakin bahawa dia akan lulus ujian memandunya.

(5 markah)

6. Penulis lebih mementingkan orang luar berbanding keluarganya. Berikan **dua** bukti untuk membuktikan pernyataan tersebut. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. akur (baris 2) (2 markah)

8. menilai (baris 10) (2 markah)

9. terkial-kial* (baris 18) (2 markah / tidak perlu jawab*)

10. debaran* (baris 34) (2 markah / tidak perlu jawab*)

LATIHAN 2

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Cik Waheeda merupakan seorang nenek yang berusia 76 tahun. Beliau hidup aman sejahtera dengan cucu dan anak-anaknya dan dijaga dengan baik. Anak lelakinya Anwar bertugas sebagai seorang pengurus bank dan membawa pulang gaji yang **lumayan**. Hidup mereka serba-serbi lengkap dan mereka tidak pernah meminta lebih daripada itu.

Walau bagaimanapun, malang tidak berbau. Seperti keluarga-keluarga yang lain, nasib keluarga Cik Waheeda juga berubah semasa berlaku krisis kemelesetan ekonomi sejagat. Cawangan bank di mana Anwar bekerja telah ditutup dan meskipun selepas berbulan-bulan lamanya, Anwar masih tidak berhasil mendapatkan pekerjaan baharu. Segala wang dalam simpanan mereka juga semakin lama semakin kering.

Anwar sering menjadi **berang** dek tertekan setiap kali memikirkan bagaimana untuk memastikan keluarga sentiasa mempunyai sesuap nasi setiap hari. Dia juga berusaha sedaya upaya untuk melunaskan bil-bil rumah supaya keluarganya dapat hidup dengan selesa. Cik Waheeda amat bimbang tentang situasi keluarganya, terutama dengan sikap anaknya yang telah berubah secara **mendadak**. Sungguhpun begitu, beliau tidak berdaya melakukan apa-apa untuk mengubah keadaan.

Suatu hari ketika Cik Waheeda sedang dalam perjalanan pulang selepas membeli barang dapur, beliau mula merenungkan tentang bagaimana dia boleh melakukan sesuatu untuk membantu keluarganya. Serabut dalam fikirannya, Cik Waheeda tersandung sebuah bangku di pusat penjaja. Habis barang-barang pasar yang dibelinya jatuh bertaburan. Mujur, tiada yang rosak. Semasa **giat** memungut barang-barang yang jatuh, Cik Waheeda terdengar perbualan antara seorang wanita yang segak bergaya dengan seorang lelaki tua. Lelaki itu berkali-kali mengucapkan terima kasih kepada wanita tersebut kerana membantunya pulih daripada penyakit barah.

Mendengar kata-kata itu terus menarik perhatian Cik Waheeda. Beliau segera duduk semeja untuk mendengar kisah lelaki tersebut. Menurut lelaki itu, enam hari lalu, wanita berkenaan telah menjual sebuah bebola kristal ajaib kepadanya. Disebabkan oleh bebola kristal itu, lelaki tersebut telah pulih sepenuhnya daripada penyakit barah semalaman. Cik Waheeda amat terpegun dengan apa yang beliau dengar. Beliau pernah mendengar tentang cerita tentang batu-batu ajaib namun tidak pernah sekali melihatnya dengan mata kepalanya sendiri.

Dalam fikiran Cik Waheeda, ini mesti jawapan bagi kesengsaraan yang mereka alami. Beliau pun bertanya kepada wanita itu, "Bolehkah kristal ini membantu anak saya dapatkan pekerjaan baharu?"

"Tentu sekali! Saya boleh rasakan yang puan seorang yang berhati mulia. Kristal ini pasti akan membantu puan," jelas wanita itu dengan suara yang lembut. Setelah bertanya lebih lanjut, Cik Waheeda diberitahu bahawa kristal itu berharga \$20,000 kerana ia amat jarang sekali ditemui dan hanya boleh didapati jauh dari kawasan pedalaman. Tanpa berfikir panjang, Cik Waheeda segera ke bank lalu mengosongkan simpanannya. Dia langsung menyerahkan wang tersebut kepada wanita itu untuk membawa pulang bebola kristal tersebut dengan harapan ia akan membawa nasib yang

baik kepada keluarganya. Wanita dan lelaki tua itu tersenyum sinis sambil mereka mengambil wang daripada Cik Waheeda.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Pada mulanya, mengapakah Cik Waheeda sekeluarga mampu hidup dengan selesa? (3 markah)

2. Apakah kesan krisis kemelesetan ekonomi sejagat terhadap kerjaya Anwar? (3 markah)

3. Mengapakah Cik Waheeda tersandung sebuah bangku di pusat penjaja? (3 atau 5 markah*)

4. Apakah keajaiban yang dibawa oleh bebola kristal itu terhadap lelaki tua tersebut? (3 atau 5 markah*)

5. Berikan dua bukti yang menunjukkan bahawa Anwar ialah seorang yang bertanggungjawab meskipun dia dilanda kesusahan. (5 markah)

6. Cik Waheedah amat mudah dipengaruhi. Buktikan pernyataan tersebut dengan menunjukkan dua tindakan Cik Waheedah. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. lumayan (baris 3) (2 markah)

8. berang (baris 10) (2 markah)

9. mendadak* (baris 14) (2 markah / tidak perlu jawab*)

10. giat* (baris 18) (2 markah / tidak perlu jawab*)

LATIHAN 3

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Saya bertugas sebagai seorang ejen pemasaran pembersih vakum dari rumah-ke-rumah, menyasarkan pelanggan daripada golongan yang berpendapatan sederhana. Pada hari pertama saya bekerja, saya telah ditugaskan oleh syarikat untuk mengetuk setiap rumah di bangunan flat HDB dan cuba menjual pembersih vakum keluaran terkini. Semasa saya **tercegat** berdiri di hadapan rumah pertama, saya menenangkan diri dan cuba memberanikan diri. Saya menghirup nafas yang panjang sebelum akhirnya menekan butang loceng rumah tersebut.

5

Seorang wanita pertengahan usia membuka pintu. Rambutnya kusut masai. Daripada **keterampilannya**, saya pasti dia hanya seorang suri rumah. Dia juga memakai baju kemeja-t yang selekeh dan sedang menggendong seorang bayi.

"Ada apa?" dia bertanya dengan pantas.

10

Saya tergamam. Fikiran saya tiba-tiba sahaja menjadi serabut dan lupa apa harus saya katakan. Selepas mengingati semula skrip penjualan, saya pun mula melafazkannya, "Selamat petang puan, saya Andani. Saya ingin bertanya sekiranya puan perlukan sebuah pembersih vakum. Sekiranya perlu, saya boleh..."

Belum sempat saya menyelesaikan ayat itu, wanita tersebut menghempaskan pintu di hadapan muka saya. Saya terperanjat seketika namun menebalkan muka untuk mengetuk pintu rumah tersebut sekali lagi.

15

"Berambuslah! Saya tidak berminat!" teriak wanita itu dari belakang pintu lalu **menghempas** tutup tingkap-tingkap di sebelah pintu. Sambil diselubungi kekecewaan, saya mengangkat produk yang dibawa lalu menuju ke pintu seterusnya. Perkara yang sama berulang berkali-kali, tidak kira sama ada penghuni rumahnya seorang wanita muda mahupun yang sudah lanjut usia. Setiap kali dihalau oleh para pelanggan, saya menjadi kecil hati. Saya takut untuk kembali ke pejabat dengan tangan yang kosong. Apabila tiba di pintu yang terakhir, saya hampir putus harapan.

20

Seorang lelaki muda membuka pintu lalu menyambut kehadiran saya dengan agak positif. Sedang saya menjelaskan kedatangan saya, lelaki itu menjemput saya masuk ke rumahnya. Benih-benih semangat mula mengisi ruang dada saya apabila melihat kesungguhan lelaki itu. Dia bertanyakan pelbagai soalan dan meminta saya supaya menunjukkan cara-cara menggunakan pembersih vakum berkenaan. Tanpa berlengah-lengah, saya pun membanting tulang memberikan demonstrasi daripada membersihkan lantai kepada permaidani dan juga langsir.

25

Sesudah melakukan semua itu, saya mengelap peluh di dahi lalu bertanya kepada lelaki itu, "Mahukah Encik membeli satu pembersih vakum daripada saya?"

30

Dengan terperanjat, dia menggeleng-gelengkan kepalanya. Saya terus menjadi kecewa. Sebaliknya, dia berkata bahawa dia akan menelefon saya sekiranya dia memerlukan sebuah pembersih vakum pada masa akan datang. Sambil itu, dia secara tidak langsung cuba **mengusir** saya keluar dari rumahnya. Ternyata, dia langsung tidak berminat untuk membeli dan hanya mempergunakan saya untuk khidmat pembersihan percuma.

35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah tanggungjawab penulis sebagai ejen pemasaran pembersih vakum? (3 markah)

2. Mengapakah penulis membuat kesimpulan bahawa wanita di dalam rumah pertama yang dikunjungi ialah seorang suri rumah? (3 markah)

3. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa penulis gementar semasa cuba menjual pembersih vakum buat pertama kali? (3 atau 5 markah*)

4. Apakah yang telah membangkitkan semangat penulis pada hari tersebut? (3 atau 5 markah*)

5. Berikan dua bukti untuk menunjukkan bahawa penulis bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawabnya. (5 markah)

6. Tugas penulis penuh pancaroba. Jelaskan pernyataan ini dengan memberikan dua bukti.
(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. tercegat (baris 4) (2 markah)

8. keterampilan (baris 8) (2 markah)

9. menghempas* (baris 18) (2 markah / tidak perlu jawab*)

10. mengusir* (baris 34) (2 markah / tidak perlu jawab*)

LATIHAN 4

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Asmah dan abangnya, Shah merenung jauh ke hujung laut. Ombak menyusur dengan tenang di tepian pantai di sebalik cahaya matahari yang memancar perairan, menyinarinya bagaikan permata berlian. Pastinya ia satu pemandangan yang indah dan sesiapa sahaja yang dapat menikmatinya pasti akan berasa bagaikan di syurga. Namun, keindahan pemandangan itu tidak dinikmati oleh kedua-dua adik beradik itu. Mereka terkenang kembali peristiwa melihat pemandangan yang sama, tetapi dengan sebuah objek hitam yang terapung di laut. 5

Petang itu, Asmah dan Shah baru sahaja meluangkan masa seharian di tepi pantai dan sedang berkemas-kemas untuk pulang. Ketika itulah Shah terperasan sebuah objek hitam terapung di atas air. Dengan penuh **kemusykilan**, Asmah dan Shah menunggu objek itu hanyut ke tepi pantai. Ia tidak mengambil masa yang begitu lama sebelum objek itu berada di kaki mereka. Ia merupakan sebuah kotak hitam berwarna hitam. Asmah mengambil sebatang ranting pokok lalu cuba mengorek-ngorek lubang kunci untuk membukanya. Selepas mencuba selama beberapa minit, akhirnya kotak itu berjaya dibuka. 10

Pada mulanya, Asmah dan abangnya amat ghairah untuk mengetahui apa yang tersirat dalam kotak itu. Namun alangkah terkejutnya mereka apabila menemui tengkorak berserta dua batang tulang disusun seperti tanda pangkah di tengah-tengah kotak tersebut, seperti lambang yang dilihat pada bendera kapal lanun. 15

Apakah maksud semua ini? Adakah seorang lanun telah terjatuhkan kotak ini? Shah perasan bahawa tengkorak itu seakan-akan menyala di bawah cahaya matahari. Seperti, ada sesuatu yang terkandung dalam tengkorak itu. Shah menggoncang kuat tengkorak itu sehingga terpelanting keluar seekor makhluk yang bertaring panjang. Makhluk itu menggigit bahagian pergelangan tangan Shah sebelum melompat ke pasir dan meluputkan diri. Shah tidak begitu merasa gigitan itu tetapi dia dapat merasakan kepanasan pada bahagian tersebut. Sejurus kemudian, pergelangan tangannya mula berubah menjadi kemerah-merahan lalu muncul bintik-bintik merah di bahagian lengannya. Asmah **terpinga-pinga**. Dia tidak pasti sama ada makhluk itu telah melakukan sesuatu kepada abangnya. 20 25

"Aku... tidak... boleh... bernafas..." bisik Shah.

Terkejut, dia menjerit memanggil ibu bapanya yang kemudian menelefon talian kecemasan. Ambulans pun tiba tepat pada masanya untuk menjejarkan Shah ke hospital. Apabila tiba di hospital, mereka mendapat tahu bahawa Shah telah dijangkiti sejenis virus yang ganjil. Lanun-lanun pada abad ke-19 pernah dijangkiti dan mati akibat **wabak** virus seumpama itu. Mujur, nasib yang malang itu tidak menimpa Shah. Selepas sembuh sepenuhnya, Shah dan Asmah memeriksa kotak yang ditemui mereka sekali lagi. 30

Rupa-rupanya di bawah kotak tersebut terkandung sekeping nota berhasad dengki yang menyatakan 'Rasai sumpahan lanun!' Menyusuli insiden itu, Shah dan Asmah tidak dapat berhenti memikirkan tentang makhluk misteri yang mereka temui. Mereka bersyukur tiada perkara ganjil yang berlaku semasa lawatan mereka kali ini. 35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Jelaskan mengapa pemandangan di pantai tersebut digambarkan sebagai syurga? (3 markah)

2. Bilakah Shah menyedari tentang kewujudan objek hitam yang terapung di atas air? (3 markah)

3. Apakah yang terkandung dalam kotak yang dijumpai oleh Shah dan Asma? (3 atau 5 markah*)

4. Terangkan bagaimana sejenis makhluk berjaya melepaskan diri daripada kotak tersebut? (3 atau 5 markah*)

5. Apakah simptom-simptom bahawa seseorang telah dijangkiti penyakit ganjil yang telah dialami oleh Shah? (5 markah)

6. Jelaskan dua pengajaran yang dapat diraih daripada petikan ini. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. terapung (baris 6) (2 markah)

8. kemusykilan (baris 9) (2 markah)

9. terpinga-pinga* (baris 25) (2 markah / tidak perlu jawab*)

10. wabak* (baris 30) (2 markah / tidak perlu jawab*)

LATIHAN 5

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Tiba kali ketiga pertemuan kami, aku cukup yakin dengan Danilo Fernandez, pegawai perhubungan yu paus kami. Dia berkebolehan meramalkan keadaan sekitaran kini dan akan datang perairan hijau-kelabu di Laut Sibuya.

"Lihat ke bawah sekarang," Encik Fernandez mengarahkan kami sejurus selepas isteri dan pasangan anak kembarku mengenakan sarung kepala, snorkel dan kaki sirip getah. Kami melompat masuk ke dalam laut - meninggalkan kapal kecil yang telah membawa kami ke sebuah kawasan laut yang berjalur airnya. Setelah berada di dalam air, kami menanti **kemunculan** jerung yang dicari. 5

Tepat sekali dalam masa tiga hingga empat saat, kami mula melihat **kelibat** yu paus sepanjang 25 kaki. Di Filipina, ikan yu paus dikenali sebagai butanding. Kami memerhatikan susuk tubuh butanding perlahan-lahan menghampiri permukaan air yang berkilauan bagaikan permata. Pergerakannya yang lemah gemalai memberikan kami masa untuk mengagumi kecantikan hidupan liar itu. Ia mempunyai bentuk kepala yang leper dan corak badan berkotak. Ikan yu paus itu bagaikan menari-nari sekitar lima atau enam kaki bawah kami sebelum ia hilang daripada pandangan kami. 10

Pemandangan itu tidak dapat dinafikan, amat menakjubkan, dapat berenang di samping gergasi yang lemah lembut. Kami berpeluang merasai suasana itu sebanyak sembilan kali pagi itu sebelum yu paus berkenaan, yang biasanya makan pada waktu pagi, mula menyepi menjelang waktu tengah hari. 15

Jelas, kami telah pergi ke tempat yang betul untuk melihat kehidupan laut itu. Donsol, yang terletak di pantai sebelah tenggara pulau utama Filipina, Luzon, dinobat sebagai "ibu kota yu paus di dunia". Ia mendapat gelaran itu disebabkan yu paus di situ yang seringkali berenang dekat dengan permukaan laut. Justeru, ia meningkatkan lagi peluang melihat lebih daripada seekor yu paus pada bila-bila masa. Lantaran itu juga, Donsol dinamakan dalam Majalah TIME sebagai destinasi pertemuan hidupan liar terbaik di Asia pada 2004. 20

Atas sebab itulah, semasa diberi peluang memilih ke mana untuk pergi bagi salah satu destinasi persiaran luar bandar metro Manila, kami sebaliknya memilih Donsol dan bukan pulau peranginan Borocay. Maklumlah, kami memang mempunyai minat yang mendalam terhadap yu paus. 25

Seperti para pelancong yang lain, apabila kami tiba di Donsol pada tengah hari sebelumnya, kami telah bersiar-siar untuk **menjelajah** sejarah Gunung Mayon, yang dikatakan sebagai gunung berapi berbentuk paling sempurna dan masih berasap meskipun setelah bertahun-tahun lamanya. 30

Kami mengambil sedikit masa mencari penginapan kerana semua hotel yang telah kami pilih sama ada kekurangan kemudahan-kemudahan asas atau kelihatan terlampau usang. Akhirnya, barulah kami menemui sebuah hotel yang agak memuaskan. Selepas itu, kami menyewa motosikal beca untuk membawa kami setengah batu ke pusat pelancong Jabatan Pelancongan Filipina untuk menyewa bot untuk aktiviti keesokan hari, **prabayar** yuran pelancong dan menonton video suai kenal prasalam wajib tentang apa yang akan kami lakukan keesokan pagi. Aku tidak faham mengapa kami 35

perlu menonton video selama 12 minit tentang sesuatu yang kami sudah tahu dalam hati. Walau bagaimanapun, video itu sudah pasti tidak dapat dibandingkan dengan pengalaman yang sebenar.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

1. Apakah yang menyebabkan penulis menaruh kepercayaan terhadap pegawai perhubungan yu paus yang mereka gajikan? (3 markah)

2. Bagaimanakah penulis dan keluarganya memanfaatkan pergerakan yu paus di laut? (3 markah)

3. Mengapakah penulis menganggap bahawa pemandangan itu amat mengagumkan? (3 atau 5 markah*)

4. Mengapakah penulis sekeluarga hanya boleh menikmati pengalaman berenang bersama yu paus sebanyak sembilan kali sahaja pada pagi itu? (3 atau 5 markah*)

5. Jelaskan mengapa Donsol digelar sebagai "ibu kota yu paus di dunia". (5 markah)

6. Penulis dan keluarganya merupakan pelancong yang bijak membuat keputusan. Berikan dua bukti. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 7 hingga 10*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

7. kemunculan (baris 7) (2 markah)

8. kelibat (baris 8) (2 markah)

9. menjelajah* (baris 29) (2 markah / tidak perlu jawab*)

10. prabayar* (baris 35) (2 markah / tidak perlu jawab*)
